

KEBERKESANAN MEDIA MASSA DAN MEDIA SOSIAL KEPADA MASYARAKAT DALAM MENYELESAIKAN ISU PENJAGAAN WARISAN NEGARA

**(THE EFFECTIVENESS OF MASS AND SOCIAL MEDIA FOR SOCIETY IN
RESOLVING NATIONAL HERITAGE PRESERVATION ISSUES)**

Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli

Abstrak

Media dalam kehidupan moden kini menjadi amat pantas hasil perkembangan sains dan teknologi. Media massa dan media sosial sedikit demi sedikit membawa masuk masyarakat ke suatu pola budaya baru dan mula menentukan pola fikir serta budaya perilaku masyarakat. Masyarakat generasi kini telah menggunakan media massa dan media sosial sebagai platform untuk memaparkan berita serta memberikan hujah dan pendapat mereka yang berkait dengan pelbagai isu termasuklah isu-isu yang berkait dengan warisan negara. Isu-isu warisan yang dibangkitkan ini seterusnya membawa kesedaran kepada masyarakat pelbagai pihak akan pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara. Kesedaran terhadap kepentingan untuk memulihara warisan tidak kira sama ada warisan ketara atau tidak ketara ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat dan bukannya dibebankan ke atas pihak kerajaan semata-mata. Oleh yang demikian, dengan adanya kesedaran daripada pelbagai pihak, maka akan terhasilah pelbagai pendapat, idea serta cadangan tentang pemeliharaan warisan negara. Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian mendapati peranan media massa dan media sosial sangat penting dalam menyebarkan segala isu yang berkait dengan warisan negara secara cepat dan meluas. Hal ini dapat memupuk semangat cintakan negara dalam diri masyarakat serta membangkitkan kesedaran rakyat Malaysia dalam melindungi warisan-warisan negara agar sejarah dan budaya negara Malaysia dapat dikekalkan.

Kata kunci: Media massa, media sosial, pemeliharaan, warisan, kesedaran

Abstract

The media in modern life is now a very quick result of the development of science and technology. Mass media and social media gradually bring community into a new cultural pattern and begin to determine the mindset and culture of the people's behavior. Generation communities now use the mass media and social media as a platform to present news and provide their arguments and opinions related to various issues including issues related to national heritage. The heritage issues raised thus brought awareness to the various communities of the importance of the preservation and conservation of the nation's heritage. Awareness of the importance of preserving the heritage regardless of whether this significant or insignificant legacy is a responsibility that every individual in society should

not be burdened with on the part of the government alone. Consequently, with the awareness of the various parties, there will be various opinions, ideas and suggestions on the conservation of the nation's heritage. Overall, the outcome of the study found that the role of the mass media and social media was crucial in spreading all issues related to the nation's heritage quickly and widely. This can foster a state of passion for the people in society and raise awareness of Malaysians in protecting the nation's heritage so that Malaysia's history and culture can be sustained.

Keywords: Mass media, social media, preservation, heritage, awareness

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai sejarah, budaya dan warisan yang menggambarkan pola kehidupan masyarakat. Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan budaya, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai seni budaya dan kesan tinggalan sejarah yang dapat menarik minat pelancong untuk datang ke Malaysia. Kepelbagaiannya adat resam yang terhasil daripada penduduk bangsa dan etnik menghasilkan budaya tradisional yang pelbagai. Menurut Jabatan Warisan Negara, warisan ditakrifkan sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun daripada satu generasi ke satu generasi. Selain itu, warisan juga merupakan khazanah negara yang pernah dan sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat dan manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan. Warisan adalah elemen yang berkait rapat dengan sejarah. Menurut Kamus Dewan pula, warisan bermaksud harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi, yang turun-temurun atau peninggalan. Terdapat 2 jenis warisan iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara merupakan sesuatu yang kekal dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih. Ia merujuk kepada tapak tanah bersejarah, monumen, bangunan atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan. Warisan tidak ketara pula merupakan ilmu dan kepakaran yang di tafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan. Antaranya ialah acara perayaan, ritual dan kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional serta sukan dan permainan tradisional.

Kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan amat penting dalam usaha menjaga dan melindungi warisan negara dengan bijak dan sistematik supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Pemuliharaan didefinisikan sebagai pengurusan bangunan, monumen dan tapak untuk mengelakkan kereputan, kemusnahan, penyalahgunaan atau diabaikan (Burden 2004). Pemuliharaan merupakan satu proses menjaga dan mengatasi sesebuah warisan bersejarah daripada dimusnahkan atau di baik pulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik. Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja yang cuba mengkalkan keadaan asal sesebuah warisan bersejarah seperti mana yang asal dan dapat mengekalkan kepentingan kebudayaan (Syed Zainol Abidin 1995). Konsep pemuliharaan warisan yang diterima dan di praktik sejagat ialah keaslian dalam pemuliharaan dan warisan. Keaslian boleh dianggap sebagai satu aspek estetik manakala proses untuk mengembalikannya adalah perkara etika. Oleh yang demikian, dalam pemuliharaan, kecantikan bukan menjadi ukuran tetapi cara untuk mengembalikan warisan seperti yang asal. Proses menjaga termasuklah pemuliharaan, pemberian, pembinaan semula dan penyesuaian dan biasanya lebih daripada salah satu kombinasi diperlukan.

Tujuan utama pemuliharaan ialah untuk menjaga kepentingan budaya dengan pengekalan warisan melalui kaedah pemuliharaan yang betul supaya kerosakan dapat dikurangkan dan kualitinya terjaga. Oleh itu, pemuliharaan warisan haruslah dikekalkan supaya generasi akan datang dapat mengetahui dan melihat sendiri warisan budaya yang ada di Malaysia. Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kesenian dan kebudayaan sesuatu masyarakat yang wujud di Malaysia adalah sebahagian daripada proses memperkasakan jati diri dan menanam semangat patriotism ke dalam diri bangsa Malaysia yang terkenal dengan pelbagai etnik, budaya, bahasa dan agama khususnya dalam menghadapi cabaran saat bangsa ini menempuh era modenisasi. Salah satu impak yang didatangkan kepada warisan kesenian dan kebudayaan anak bangsa Malaysia sering dikaitkan dengan fenomena ‘globalisasi budaya’. Menurut Paul James (2006) perkara ini merujuk kepada penjanaan

kepelbagaiannya idea, makna serta nilai parokial sebagai norma atau pengetahuan sejagat yang di konsumsi dan didifusikan ke seluruh pelosok dunia dengan galaknya melalui internet, media sosial, budaya popular serta mobilisasi manusia. Warisan budaya tradisional pula dilihat semakin dipinggirkan oleh generasi baru.

Media dalam kehidupan moden kini menjadi amat pantas hasil perkembangan sains dan teknologi. Di samping itu, ia juga menjadi kompleks serta menimbulkan pelbagai masalah sosial, moral, politik dan ekonomi. Apa sahaja yang dihasilkan melalui media ialah komunikasi massa. Antaranya termasuklah akhbar, majalah, radio, televisyen, filem, pita rakam, piring hitam, buku dan sebagainya. Semua jenis komunikasi melalui media begini memungkinkan penyebaran maklumat yang sama dengan meluas kepada penerima yang ramai dan berselerak di merata-rata tempat (Mansor 1983: 51). Media massa juga merupakan alat atau instrumen terpenting yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, membina persepsi dan tanggapan, dan membentuk sikap masyarakat tentang maklumat yang disampaikan. Media telah terbukti menjadi alat atau perantara terpenting dalam menyampaikan maklumat dan mesej tertentu. Media massa sedikit demi sedikit membawa masyarakat ke suatu pola budaya baru dan mulai menentukan pola fikir serta budaya perilaku masyarakat. Lerner (1966) juga telah menyentuh peranan media massa dalam merubah masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Schramm (1964) yang merupakan “Bapa Komunikasi” juga telah menghuraikan fungsi media massa sebagai pemerhati, penggalak perbincangan, mendidik dan menghibur untuk negara-negara yang membangun. Kesempurnaan maklumat diukur daripada sudut keberkesanannya menyelesaikan sesuatu masalah serta membantu membuat keputusan dengan tepat, cekap dan cepat. Internet pula membolehkan isu-isu sebegini dikumpul, disampaikan serta dibincangkan secara terbuka bersama masyarakat. Secara tidak langsung, ia mempengaruhi kesedaran masyarakat terhadap sesuatu isu yang timbul. Objektif kajian ini adalah untuk melihat peranan media massa sebagai alat kesedaran sosial mengenai isu penjagaan warisan. Kesedaran mengenai sesuatu masalah atau isu ini muncul daripada keprihatinan segolongan masyarakat terhadap perkara-perkara yang melibatkan warisan negara Malaysia seperti bangunan warisan yang terabai atau kesenian yang terpinggir. Isu yang semakin serius ini telah meningkatkan kesedaran media massa untuk menguar-uarkan dan mengulas kepentingan menjaga dan memulihara warisan negara ini.

Media sosial merupakan salah satu media yang mempunyai peranan besar dalam kehidupan masyarakat kini. Media sosial daripada semasa ke semasa semakin dicintai oleh masyarakat global. Media sosial menjadi salah satu media yang mempunyai pelbagai keunggulan berbanding dengan media lainnya. Media sosial mempunyai sifat yang lebih interaktif apabila dibandingkan dengan bentuk media tradisional seperti radio dan televisyen. Melalui media sosial, kita dapat secara langsung berinteraksi dengan orang lain (Leonard 2016). Media sosial merupakan saluran komunikasi digital di mana para pengguna boleh berkongsi maklumat, berinteraksi dengan segera, berkomunikasi secara dua hala dan penghantaran mesej yang cepat ke beberapa orang dalam masa yang sama. Media sosial menjadi platform masa kini yang disenangi oleh semua penggunanya (Hudson et al. 2015). Dengan adanya perkembangan media sosial yang berbagai-bagai, media sosial dianggap sebagai salah satu media yang cukup baik dan bijak apabila dijadikan sebagai salah satu ruang awam. Media sosial yang bebas dilayari oleh sesiapa sahaja dan bebas untuk melakukan pelbagai aktiviti mula daripada perbincangan umum, pembentukan pendapat, hingga kepada pengedaran maklumat kepada seluruh lapisan masyarakat. Fan & Gordon (2014) menambah bahawa era teknologi komunikasi dan maklumat, media sosial mempunyai kuasa yang sangat besar. Pelbagai impak daripada kehadiran media sosial ini mula memberikan suasana yang baharu. Media sosial menggantikan pelbagai peranan media lama yang popular pada zamannya.

Teori Komunikasi merupakan suatu pernyataan untuk menerangkan, menjelaskan, menilai dan membuat ramalan terhadap komunikasi. Gabungan konsep antara teori iaitu pernyataan dengan komunikasi telah membentuk satu tanggapan atau proses yang berfaedah untuk penyelidikan. Cragan dan Shields (1998) menerangkan bahawa teori komunikasi ialah satu kenyataan yang mengandungi konsep yang membantu memberi secara keseluruhan atau sebahagian, keterangan, penjelasan dan mempunyai perkaitan antaranya yang membolehkan seseorang memahami, menjelas, dan menilai fenomena serta ramalan. Secara amnya, setiap ruang dan aspek kehidupan kita

dipengaruhi oleh komunikasi tidak kira positif atau negatif, ia jelas mencakupi segala aspek kehidupan masyarakat. Sehubungan dengan itu, teori komunikasi amat penting kepada masyarakat kerana ianya merupakan asas pembentukan sosial antara setiap individu.

METODOLOGI

Kaedah kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah ini juga dikenali sebagai *armchair* iaitu pengumpulan maklumat atau data menerusi kajian kepustakaan. Antara sumber yang digunakan dalam kajian ini adalah akhbar, jurnal dan internet. Rujukan dalam internet banyak dilakukan memandangkan kemudahan untuk mendapatkan maklumat secara maya lebih efektif pada zaman siber ini. Pengumpulan data menggunakan kaedah ini banyak membantu dalam membuat kajian ini daripada segi mendapatkan isu-isu yang berkaitan dengan warisan negara.

ISU-ISU BERKAITAN WARISAN NEGARA

Sehingga kini, rakyat Malaysia telah menggunakan media massa dan melalui beberapa laman media sosial sebagai platform untuk memaparkan serta memberikan hujah dan pendapat mereka yang berkait dengan isu-isu warisan negara. Ekoran daripada kesedaran pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara yang diketengahkan dalam media massa dan media sosial ini, beberapa isu semasa dapat dibincangkan. Isu-isu yang dipaparkan ini dilihat memberi impak positif kepada masyarakat menerusi pembacaan yang dilakukan yang kemudiannya membawa kepada impak positif kepada isu tersebut.

Bermula dari tahun 2014, antara isu yang telah dikupas adalah melalui akhbar *Utusan Online* bertarikh 8 November 2014 iaitu isu berkaitan dengan tradisi masyarakat Orang Asli yang semakin pupus. Arus pemodenan yang semakin kuat meresapi masyarakat Che Wong menyebabkan budaya mereka semakin disisih terutama dalam generasi muda. Sehubungan dengan itu, kita dapat melihat tradisi masyarakat Che Wong iaitu tradisi menyumpit yang dahulunya sangat penting untuk memastikan seseorang itu mampu menyara ahli keluarganya semakin dilupakan. Kemahiran menyumpit juga dahulunya dianggap menjadi asas dalam kebahagiaan rumah tangga. Golongan muda Che Wong pada masa kini tidak lagi mempraktikkan tradisi menyumpit kerana lebih terdedah kepada gaya hidup moden.

Sekitar tahun 2016, halaman *Utusan Online*, berita Nasional bertarikh 20 Mei 2016 juga ada membincangkan tentang Sungai Batu yang mampu mengubah sejarah Asia Tenggara. Naib Presiden Persatuan Arkeologi bahagian Asia Tenggara di Jepun, Prof. Dr. Mariko Yamagata berkata, segala penemuan serta data yang terdapat di Sungai Batu mampu membawa perubahan kepada sejarah Asia Tenggara mengenai bagaimana masyarakat Kedah Tua memainkan peranan besar dalam perkembangan rantau ini suatu ketika dahulu berikutnya kedudukannya yang terletak di Selat Melaka dan Laut China Selatan iaitu berhampiran Lautan Hindi. Hal ini menyebabkan ramai pedagang daripada serata dunia pernah ke Sungai Batu dan kerana itu ianya berpotensi besar untuk dikenali di peta dunia.

Selain itu, akhbar *Utusan Online*, berita Nasional bertarikh 9 Julai 2016 telah mengupas isu berkenaan dengan status UNESCO Georgetown yang semakin terancam. Seperti sedia maklum, Georgetown telah diberikan pengiktirafan oleh UNESCO sebagai salah satu lokasi Tapak Warisan Dunia pada tahun 2008. Pengiktirafan ini seharusnya perlu dihargai serta dijaga supaya status tersebut tidak terancam oleh kepesatan pembangunan di Pulau Pinang. Pembangunan moden yang terlalu banyak sudah tentu memberi kesan kepada bangunan warisan yang ada sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hal ini demikian kerana proses pengezonan kawasan tidak di gazet oleh kerajaan negeri. Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 yang ketika ini seolah-olah dibiarkan ‘tergantung’ tanpa di warta atau di gazet sehingga ke hari ini walaupun sudah pun diluluskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 2011.

Melalui akhbar Berita Harian bertarikh 19 Ogos 2016 (Ifwan 2016) telah memetik isu berkaitan dengan Tapak Megalitik Pengkalan Kempas, Port Dickson yang terabai dan terbiar tanpa penyelenggaraan kerana tiada bajet. Kawasan tamadun lama yang dianggarkan berusia lebih 600 tahun ini kelihatan tidak terurus dan ditumbuhinya lalang, selain terdapat pokok tumbang yang tidak dialihkan serta perigi lama di kawasan itu yang turut dipenuhi sampah sarap serta bau busuk. Tambahan lagi, struktur bangunan yang menempatkan sebuah makam yang dipercayai dibina pada tahun 1467 dan batu megalitik yang amat unik, kelihatan uzur terutamanya pada bahagian atap yang telah reput dan berlubang. Kawasan terbabit berada dalam keadaan uzur kerana Jabatan Warisan Negara (JWN) tidak meneruskan penyelenggaraan terhadap tempat berkenaan kerana perubahan dasar jabatan. Masalah ini timbul kerana isu itu tergantung begitu sahaja disebabkan tiada usaha diambil oleh JWN untuk memastikan tugas berkenaan diambil alih oleh pihak lain secara rasmi.

Seterusnya, akhbar *Utusan Online*, berita wilayah Negeri Kelantan yang bertarikh 13 Oktober 2016 (Aimuni 2016) yang memaparkan isu berkenaan dengan Gua Cha yang semakin terbiar. Isu ini membangkitkan tentang lokasi Gua Cha yang bakal berdepan dengan kemusnahan teruk apabila tiada penjagaan berkala daripada pihak berwajib walaupun kemudahan asas gua tersebut telah di baik pulih pada tahun 2015. Papan tanda yang memaparkan tulisan “Tapak Arkeologi Gua Cha” yang baru dibina juga dilihat terbiar tanpa penyelenggaraan dan dipenuhi dengan semak samun. Gua Cha yang dahulunya menjadi tumpuan pengkaji sejarah berikutan dengan penemuan rangka manusia yang dikebumikan secara melentur yang dijumpai oleh G. De. Sieveking pada tahun 1954 kini semakin hilang serinya kerana gua berkenaan tidak diselia dengan baik. Hal ini berkemungkinan adalah kerana daerah Gua Musang itu sendiri yang kurang publisiti daripada pihak berwajib. Publisiti melalui media massa dan media sosial haruslah giat dijalankan memandangkan bukan sahaja Gua Cha malahan terdapat puluhan lagi gua batu kapur yang berpotensi untuk di ekskavasi di sekitar Gua Musang. Terkini, media massa melalui akhbar *BH Online* bertarikh 17 Disember 2018 (Syalikha 2018) telah membicarakan tentang penemuan terbaru rangka manusia prasejarah yang dianggarkan berusia 6000 hingga 8000 tahun di Gua Chawan yang juga terletak di Lembah Nenggiri. Penemuan terkini ini mendapat liputan daripada pelbagai akhbar dan juga dipaparkan dalam media sosial seterusnya membuka mata orang ramai terutamanya masyarakat di negeri Kelantan sendiri yang ingin merungkai budaya masyarakat primitif dan kehadiran manusia prasejarah di sepanjang gugusan gua kompleks batu serta hubung kaitnya dengan sejarah negeri Kelantan.

Pada tahun 2018, isu-isu berkaitan warisan negara semakin banyak dibincangkan oleh media-media massa dan media sosial. Umum mengetahui bahawa pementasan boria adalah satu tarian yang amat popular di Pulau Pinang. Boria mempunyai dua segmen iaitu sketsa dan nyanyian yang diketuai seorang tukang karang yang biasanya akan memegang tongkat atau baton ketika menyanyi. Berbeza dengan kesenian warisan daripada negeri-negeri lain seperti makyong, ghazal, kuda kepang dan lain-lain, boria bagaikan terpinggir dan terbatas di Pulau Pinang sahaja dan amat jarang dipersembahkan dalam skala yang besar di mana-mana. Justeru itu, program-program yang boleh membantu menyuburkan kesenian boria yang dekat dengan golongan masyarakat harus dipertingkatkan. Melalui akhbar *Utusan Online* yang bertarikh 2 Januari 2018 (Saharudin 2018), JKKN Pulau Pinang sudah menyediakan pelan jangka panjang bagi memastikan perjuangan seni warisan tidak ketara itu diambil alih oleh generasi akan datang. Usaha berterusan yang dibuat oleh JKKN negeri ialah dengan mengadakan program perintisan sejak lima tahun lalu dikatakan telah memberi impak yang besar kepada perkembangan boria. Program perintisan itu telah membuka peluang kepada NGO yang berhasrat aktif dengan boria untuk berdaftar dengan JKKN sebelum pelbagai usaha pemuliharaan kesenian itu dilakukan secara bersama. Peranan media massa dan media sosial juga dilihat amat penting dalam penyebaran pengetahuan mengenai tarian boria ini. Contohnya, melalui pembikinan filem seperti filem ‘Mami Jarum’ yang turut menyelitkan unsur tarian boria membolehkan ianya ditonton oleh seluruh rakyat Malaysia dan sedikit sebanyak memberi pengetahuan asas kepada orang ramai akan kewujudan boria di Pulau Pinang.

Seterusnya, akhbar Berita Harian bertarikh 26 Februari 2018 pula memetik isu untuk mendigitalkan manuskrip Melayu di luar negara. Terdapat lebih 20 000 manuskrip Melayu yang kini tersimpan di perpustakaan Universiti Leiden, Belanda. Manuskrip ini tidak mustahil dimiliki semula oleh Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura jika semua negara ini bekerjasama mendigitalkannya. Naskhah berkenaan dikatakan merupakan koleksi yang diperoleh Belanda ketika zaman penjajahan dan ianya datang daripada pelbagai daerah di alam Melayu. Namun begitu, proses pendigitalan ini memerlukan kos yang agak tinggi malahan generasi muda di Malaysia dilihat kurang berminat untuk mempelajari manuskrip lama berbanding generasi muda di Indonesia yang dilihat masih lagi ramai yang berminat untuk mempelajari kajian manuskrip atau juga dipanggil filologi.

Melalui akhbar Harian Metro bertarikh 25 Jun 2018 pula mengetengahkan isu berkaitan anak muda Melayu generasi kini yang lebih memilih untuk mempelajari seni mempertahankan diri dari luar seperti taekwondo, judo, karate dan wing chun berbanding dengan seni mempertahankan diri tempatan seperti silat. Generasi muda ini menganggap seni silat gayong sebagai kelas bawahan dan hal ini disifatkan sebagai suatu penjajahan berbentuk psikologi. Ini kerana, seni mempertahankan diri dari luar ini tidak menerapkan elemen keagamaan dan ketaatan sebagaimana seni silat budaya bangsa Malaysia. Hal ini adalah berikutan daripada lambakan filem-filem dari negara luar yang mengangkat seni mempertahankan diri mereka ke pasaran dunia sehingga mewujudkan satu *trend* atau ikutan masyarakat termasuklah di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, pada Oktober 2019, satu filem yang mengangkat seni silat Gayong sebagai elemen utama iaitu ‘Geran’ telah ditayangkan di pawagam bagi menunjukkan kepada generasi kini bahawa silat juga merupakan suatu seni mempertahankan diri yang perlu dipelajari oleh anak muda. Promosi yang giat dilakukan oleh produksi filem di dalam media massa dan media sosial sekurang-kurangnya dapat menjentik sensitiviti generasi muda untuk mempelajari seni tradisi Melayu ini.

Di samping itu, isu cabaran bagi mencari pelapis Mek Mulung pula diketengahkan dalam akhbar *Utusan Online* yang bertarikh 20 September 2018. Menurut artikel tersebut, Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (AKRAB) menyifatkan cabaran utama yang perlu dihadapi dalam usaha menyelamatkan seni budaya Mek Mulung daripada pupus ditelan arus zaman adalah dalam mencari pelapis muda. Kesukaran mendapatkan pelapis muda untuk menyertai teater tradisional Mek Mulung adalah disebabkan oleh seseorang individu itu perlu mempunyai kebolehan untuk berlakon, menyanyi dan menari pada masa yang sama. Setakat ini, hanya ada beberapa orang sahaja pelapis yang boleh bermain alat muzik tradisional ini. Malah untuk terlibat dalam teater tradisional ini, pemuzik juga perlu mempunyai kebolehan menyanyi untuk menyambut nyanyian daripada penyanyi utama selain perlu mempunyai kemahiran untuk membaca notasi muzik. Pada masa kini, terdapat ramai remaja yang mempunyai kebolehan mengenai muzik, bagaimanapun pendedahan dalam muzik tradisional masih kurang. Selain itu, soal dana turut menjadi kekangan kepada AKRAB dalam usaha untuk mengangkat Mek Mulung di mata rakyat negara ini. Oleh sebab itu, media massa dan media sosial boleh dijadikan sebagai medium utama dalam menyebarkan budaya tradisi Mek Mulung serta mencari bakat baru yang bukan sahaja hanya diwarisi oleh masyarakat di negeri Kedah bahkan boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja yang berminat. Medium ini juga boleh digunakan bagi mencari penaja-penaja yang dapat memberi bantuan daripada segi dana atau tajaan untuk menambah baik dan memperkasakan lagi teater Mek Mulung dan membawa ke peringkat antarabangsa.

Melalui akhbar *Kosmo Online* bertarikh 6 Oktober 2018, Fadzli (2018) telah membincangkan isu berkenaan dengan kesan komersialisasi terhadap warisan Melaka. Nilai warisan Melaka sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia dilihat terjejas, disebabkan oleh pelbagai pembangunan dan komersialisasi yang pesat. Hal ini demikian kerana terdapat pertembungan antara bangunan lama dan baharu berikutan pembinaan pelbagai hotel dan infrastruktur bagi memenuhi keperluan sektor pelancongan yang semakin berkembang. Sebagai contoh, Bangunan Stadthuys yang berusia lebih 500 tahun perlu dipelihara dengan baik tetapi pembinaan bangunan moden yang berhampiran akan menjelaskan struktur bangunan warisan tersebut berkemungkinan akan mewujudkan gangguan teknikal daripada kerja-kerja pembinaan bangunan moden. Justeru itu, kewujudan infrastruktur moden perlu diseimbangkan dengan sistematik agar sesuai dengan seni bina bangunan bersejarah.

Sekitar awal tahun 2019 pula, akhbar *Utusan Online*, berita nasional bertarikh 30 Mac 2019, Izzat Nasurudin (2019) telah memaparkan isu bagi mempertahankan makanan warisan negara. Keghairahan negara jiran seperti Singapura dan Indonesia melakukan tuntutan bahawa mereka adalah pemilik sebenar kebanyakan makanan tradisional negara. Isu pemilikan terutama berkaitan makanan warisan tidak boleh diambil mudah soal hak milik negara kerana menjadi satu kerugian besar sekiranya ia menjadi milik negara jiran. Hal ini demikian kerana makanan tradisional negara telah menjadi identiti nasional yang membuatkan pelancong untuk datang ke sini. Di sini, kita dapat lihat peranan media massa dan media sosial sangat diperlukan bagi memperkenalkan dan mempromosikan makanan tradisional Malaysia kepada seluruh dunia sama ada melalui iklan atau slot dokumentari di kaca televisyen atau di laman sosial seperti pembikinan *Food Vlog* dengan menggunakan cara ‘influencer marketing’. Vlog atau blog video merupakan suatu bentuk blog yang menerapkan media video sepenuhnya dan merupakan bentuk televisyen web. Perkongsian video melalui platform seperti *YouTube* membolehkan video ini disimpan dan dimainkan semula di telefon pintar dan komputer peribadi. Cara ini adalah suatu bentuk pemasaran media sosial yang kebiasaannya melibatkan golongan yang mempunyai pengaruh besar di media sosial seperti golongan artis dan orang atau organisasi yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu khususnya makanan warisan.

KEBERKESANAN MEDIA MASSA DAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN MALAYSIA

Dalam usaha untuk memulihara dan memelihara seni warisan negara, sesuatu inisiatif perlu dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa aspek seperti nilai sejarah, fungsi, seni bina, usia, serta sokongan daripada pelbagai pihak yang berkaitan. Kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat Malaysia tidak kira bangsa dan agama. Justeru itu, usaha pemeliharaan seni warisan negara perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dengan mengambil kira isu-isu yang telah dibangkitkan.

Ekoran daripada isu yang telah diketengahkan dalam media massa dan juga media sosial ini, timbulnya berbagai perbahasan dan perbincangan oleh segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada berbagai bidang dan kepakaran seterusnya membawa kepada penyelesaian bagi sesetengah isu tersebut. Sesetengah isu yang hangat dibincangkan di media sosial ini mendapat perhatian daripada kerajaan serta NGO yang kemudiannya berusaha merangka pelan tindakan segera bagi menyelesaikan sesuatu isu terbabit dengan kerjasama rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, isu pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara dapat diselesaikan mengikut garis panduan yang lebih tersusun.

Sebagai contoh, berkenaan isu batu megalitik ribuan tahun yang terbiar dan tidak dijaga di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, hasil daripada perbincangan dalam ‘Seminar Batu Megalit 2017’ telah membawa kepada usul untuk memindahkan sebahagian daripada 3500 batu megalit berusia antara 200 hingga lebih 3000 tahun yang ditemui di sekitar daerah Kuala Pilah ke Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas di Port Dickson. Selain itu, cadangan penubuhan Pusat Konservasi Megalit di Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas, Port Dickson turut diutarakan. Cadangan ini dikemukakan adalah kerana kompleks ini dilihat mempunyai tarikan sejarah yang unik dan menarik, sekali gus mampu menjadi produk pelancongan yang berdaya saing di negeri ini. Berikutan daripada kesedaran pihak berwajib, kerajaan Negeri Sembilan bersama dengan Lembaga Muzium Negeri Sembilan telah mendirikan sebuah Muzium Megalit Pengkalan Kempas dan telah dirasmikan pada Oktober 2019. Oleh kerana Muzium Megalit Pengkalan Kempas ini masih baru, publisiti daripada media sosial amatlah penting bagi memperkenalkan muzium ini kepada umum dengan cara melancarkan laman web rasmi muzium dan berkongsi di laman sosial seperti *Facebook* dan sebagainya.

Isu bayaran harga tiket masuk muzium yang lebih murah berbanding dengan negara luar pula telah di petik di dalam *BH Online* yang bertarikh 15 Julai 2019. Kenaikan harga tiket muzium ini sebagai sumbangan untuk memajukan lagi muzium di negara ini pada masa hadapan. Muzium perlu menjadi hab kebudayaan yang mampu mengadunkan warisan dan teknologi melalui mekanisme

tertentu yang padu dalam memartabat dan melestarikan budaya dan warisan negara bagi kelangsungan tradisi. Seiring dengan kenaikan harga tiket masuk, muzium harus lebih mengetengahkan isu-isu semasa melalui penganjuran pelbagai program bukan sahaja dalam bentuk pameran, tetapi juga sesi dialog, forum dan sebagainya. Selain berperanan sebagai institusi yang memelihara khazanah warisan dalam bentuk paparan artifak dan pendokumentasian, tetapi peranan muzium juga harus diperluaskan sebagai satu ejen yang mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya muzium sebagai hab dalam memahami budaya dan tradisi sesebuah masyarakat. Daripada aspek media massa dan media sosial pula, pihak muzium bolehlah memperkemas kini portal dan laman web muzium masing-masing untuk mempergiat usaha untuk mengiklankan pelbagai pakej serta memaparkan tarikan di muzium untuk menarik minat masyarakat untuk berkunjung ke muzium tersebut.

Selain itu, isu yang telah menjadi topik hangat di pelbagai saluran pada tahun 2017 iaitu berkenaan dengan pengharaman Makyong di negeri Kelantan. Umumnya, Tarian Mak Yong merupakan salah satu seni tradisi tertua di Kelantan dan telah diiktiraf sebagai warisan dunia oleh UNESCO sebagai warisan dunia pada 2005. Melalui *Utusan Online* terkini bertarikh 20 Mac 2019, Zaain Zin (2019) menulis berkenaan larangan terhadap Makyong di negeri Kelantan diperkatakan akan ditarik balik jika kesenian tradisional tersebut dapat dipersembahkan kepada khalayak umum dengan cara yang patuh syariah. Langkah yang proaktif seperti merekod dan memuat naik video dokumentari tarian makyong yang lebih bersesuaian dengan sensitiviti umum dan menyebarkan video tersebut di pelbagai laman web perlu dilakukan bagi memberikan pemahaman dan penjelasan yang lebih baik mengenai amalan kebudayaan dan sejarahnya di Malaysia bagi menghilangkan pandangan yang sinis terhadap persesembahan Makyong tersebut.

Seterusnya, memetik isu yang telah dilaporkan di dalam akhbar *Utusan Online* bertarikh 26 Ogos 2018 (Abd. Aziz 2018) tentang kesenian tradisional yang akan berkarat jika tidak digilap, kini dilihat berdepan persaingan dengan seni-seni lain yang kontemporari sifatnya. Isu ini timbul akibat daripada kesukaran dalam membentuk generasi muda menceburι bidang seni tradisional ini kerana wujudnya banyak halangan, tarikan dan pengaruh yang bersifat lebih moden seperti muzik K-POP. Seni-seni kita juga kurang mendapat pendedahan berbanding publisiti artis-artis pop Barat seperti Lady Gaga atau artis-artis dari Bollywood yang lebih popular dan diminati ramai anak muda. Seni-seni moden ini mudah untuk menarik perhatian ramai terutamanya generasi muda. Menerusi yayasan yang ditubuhkan seperti Sutra Foundation, pelbagai aktiviti telah dilakukan termasuk membimbangi ramai anak generasi baharu agar mempelajari tarian-tarian yang sarat dengan nilai seni dan budaya ini. Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya harus meningkatkan kesedaran akan peri pentingnya sumbangan seni dan budaya dalam masyarakat dengan cara mempergiatkan lagi aktiviti dan promosi terutamanya di dalam akhbar mahupun laman sosial seperti *Facebook* berikutkan generasi muda yang lebih kerap menggunakan internet dan melayari laman-laman sosial agar tarian tradisional tidak pupus. Nilai-nilai seni estetika dalaman yang ada dalam tarian-tarian klasik perlu dipertahankan supaya seni ini tidak terhakis. Pelbagai iklan dipaparkan media massa yang menyelitkan unsur tarian tradisional serta pelbagai video yang menunjukkan langkah-langkah melakukan tarian tradisional juga mudah dilihat di pelbagai laman web dan *YouTube*.

Isu untuk menghidupkan permainan tradisional pula ada di petik dalam akhbar *Utusan Online*, berita wilayah Selangor bertarikh 21 Jun 2015 (Fauzi 2015). Isu ini bangkit apabila generasi hari ini dilihat lebih berminat kepada aplikasi dunia siber yang dimainkan dengan menggunakan gajet elektronik. Justeru itu, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Saujana Utama 2 telah menganjurkan program Sukan Rakyat yang dimeriahkan dengan pelbagai permainan tradisional seperti tarik tali, congkak, lari dalam guni, batu seremban, sepak raga ratus dan galah panjang. Melalui inisiatif ini dapat mengangkat kembali permainan tradisi yang sebahagiannya semakin dilupakan kerana sikap kita yang tidak mengendahkan warisan tersebut. Menurut artikel di dalam akhbar *Utusan Online* bertarikh 13 Disember 2015 pula, permainan tradisional semakin dilupakan kerana berlakunya perkembangan pesat teknologi gajet dan penambahan aplikasi permainan secara maya. Dalam usaha mengekalkan tradisi rakyat ini, program seperti 'Program Jom Main Permainan Tradisional' dan 'Mari Bermain Tanah Sempena Cuti Sekolah' secara tahunan telah diadakan di Muzium Negara bagi memberi pendedahan kepada generasi muda terutamanya kanak-kanak dan juga pelancong asing.

Antara permainan tradisional yang ditonjolkan adalah congkak, batu seremban, kelereng, lompat untai gelang dan tarik upih. Pameran ini telah diadakan dalam skala sederhana kepada orang ramai terutama ketika musim cuti sekolah. Melalui media massa, pelbagai cerita animasi dan filem telah disiarkan di layar kaca televisyen yang menyelitkan elemen permainan tradisional Malaysia untuk tontonan seluruh masyarakat dengan harapan dapat mengimbau kembali tradisi permainan tradisional sekali gus menarik minat generasi muda untuk mencubanya.

Di samping itu, terdapat juga isu yang berkait dengan makanan dan kuih tradisional yang hampir pupus. Menurut akhbar *Utusan Online* yang bertarikh 21 September 2018 (Nursyamimi 2018), isu ini timbul apabila cita rasa golongan muda yang dilihat lebih menjurus kepada kuih-muih moden, ditambah pula kekurangan individu yang boleh membuat makanan tradisi tersebut, menyebabkan kuih-muih tradisional ini semakin pupus. Antara faktor lain adalah cabaran untuk mendapat ramuan dan bahan asli, masyarakat yang tidak mewarisi petua atau resipi memasak generasi terdahulu serta proses pembuatan kuih yang renyah atau rumit. Sehubungan dengan itu, Yayasan Hasanah yang dimiliki Khazanah Nasional Berhad dengan kerjasama FriedChillies Media Sdn. Bhd., mendokumentasi sajian generasi terdahulu itu melalui projek Kuih Warisan Ihsan Hari Depan (KWIH). Mereka juga telah melaksanakan fasa pertama dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan dengan melakukan pemetaan kuih tradisional serta mendokumentasi resipi menerusi penghasilan buku dan video dokumentari. Penglibatan media massa dan media sosial ini menjadikan bukan sahaja rakyat Malaysia, bahkan pelancong asing juga dapat mempelajari dan membuat sendiri kuih-muih tradisional Malaysia mengikut panduan yang betul serta sukaan yang tepat.

Akhbar Malay Mail bertarikh 14 Jun 2019 (Sylvia 2019) memaparkan isu demonstrasi untuk menyelamatkan lapangan terbang kecil Taiping berusia 90 tahun yang dipercayai merupakan lapangan terbang pertama di semenanjung dan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada penamaan Taiping sebagai bandar warisan kerana telah dibina pada tahun 1929. Demonstrasi di bawah Gabungan Pelindung Warisan Taiping (GPWT) yang terdiri daripada Kelab Cintai Taiping, *Taiping Heritage Society*, *Taiping Tourism Association*, Warisan Anak-anak Kampung Pinang, Persatuan Penduduk Taman Saujana dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Perak tersebut menggesa kerajaan untuk melindungi tanah yang pernah menjadi persinggahan Amelia Earheart semasa penerbangan solo mengelilingi dunia yang sekarang didakwa telah dijual kepada pemaju swasta. Melalui akhbar *BH Online* bertarikh 19 Jun 2019, Menteri Besar telah memaklumkan bahawa kerajaan Perak akan mewartakan Lapangan Terbang Tekah di Taiping tersebut sebagai tapak warisan negeri. Beliau juga menyeru NGO terbabit bersama orang ramai agar melakukan gotong-royong membantu mencantikkan kawasan tersebut. Peranan media sosial dilihat amat penting dalam membangkitkan kesedaran dan digunakan sebagai medium untuk menyeru dan mengajak orang ramai terutamanya penduduk sekitar Taiping untuk mengikuti program gotong-royong yang dianjurkan oleh NGO terlibat.

Isu tentang rumah warisan juga turut dibincangkan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 15 Mac 2017 (Siti Haliza 2017) yang bertajuk Bincang Nasib Rumah Pusaka Chow Kit. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan membincangkan isu rumah pusaka Chow Kit melalui satu mesyuarat yang dikendalikan oleh Jabatan Warisan Negara. Mesyuarat ini dijalankan bagi menjawab tentang isu pembinaan semula rumah berkenaan kerana ia turut membabitkan perihal tempat asalnya yang mempunyai nilai warisan yang lebih tinggi jika tempatnya tidak diubah. Bagaimanapun bahagian rumah pusaka berkenaan dilerakan secara tertib dan kini berada dalam jagaan sekumpulan sukarelawan yang berusaha untuk membinanya semula sejak tiga tahun tetapi gagal berikutan pihak yang tidak berminat membuat pelaburan. Berikutnya tentang isu ini dibicarakan di dalam akhbar Berita Harian yang bertarikh 26 September 2018, Rumah Pusaka Chow Kit ini telah dibina semula di tapak baharu iaitu di perkarangan Balai Seni (BSN), Jalan Tun Razak. Hampir 90 peratus komponen kayu rumah yang dibina semula ini adalah daripada binaan asal rumah tersebut dan sedikit penambahbaikan dibuat bagi mengukuhkan rumah ini agar ianya lebih selamat kerana usianya yang agak lama.

BH Online bertarikh 12 Mac 2019 (Halina et al. 2019) telah mengupas isu tentang batik yang bertajuk ‘Batik Malaysia Terancam’. Dalam akhbar ini telah menerangkan tentang keunikan batik Malaysia yang kian terancam berikutan kecenderungan pengusaha dari negara jiran menciplak rekaan dan motif tempatan pada produk keluaran mereka. Minat pengguna tempatan terhadap batik telah dikaburi oleh lambakan batik dari Indonesia, China, Korea dan Thailand. Menurut akhbar Berita Harian bertarikh 13 Mac 2019, batik Malaysia dijangka berdepan dengan risiko hilang identiti sekiranya usahawan tempatan tidak mengambil langkah mendaftarkan reka bentuk yang telah dihasilkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang merangkumi cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian dan hak cipta. Jika pendaftaran ini dibuat, sekurang-kurangnya ia dapat membendung isu berkaitan penjualan batik tiruan secara berleluasa.

Seterusnya, akhbar Berita Harian bertarikh 29 Jun 2017 (Siti Haliza 2017) membincangkan mengenai pembinaan semula candi abad ke-10 di tapak Kampung Baru, Kuala Muda yang perlu dilakukan. Candi tersebut memiliki seni bina yang unik dan menarik. Hal ini membuktikan bahawa kemahiran tukang Melayu suatu ketika dahulu. Candi tersebut mempunyai potensi untuk dipelihara dan dipulihara serta dapat dimanfaatkan bukan sahaja bagi tujuan kajian, malah ia turut menjadi sebahagian daripada tarikan pelancongan di negara kita. Candi tersebut juga dikatakan menjadi tapak candi yang penting dan dapat digunakan bagi kajian mengenai kearifan tempatan Melayu dalam konteks sains dan teknologi. Akhbar dalam talian iaitu Bernama yang bertarikh 25 Julai 2018 (Shanika 2018) juga turut mengupas isu berkenaan dengan binaan purba Permatang Pasir yang perlu segera dipulihara. Binaan tersebut merupakan sebuah candi purba yang dipercayai dibina pada abad ke-6 telah dijumpai di Tapak Permatang Pasir, Kota Kuala Muda. Namun begitu, usaha membersihkan kawasan tersebut dikekang oleh masalah peruntukan bajet yang dihadapi oleh pihak Jabatan Warisan Negara di mana peruntukan ‘one off’ sebelum ini oleh kerajaan telah dihentikan. Binaan candi tersebut perlu dibersihkan, dipulihara dan tidak ditinggalkan terbiar dikhuatiri kesan-kesan sejarah yang terdapat di kawasan tersebut akan turut tenggelam oleh pembangunan, belukar dan sampah. Oleh itu, tindakan drastik perlu diambil bagi memastikan peninggalan sejarah purba ini terus terpelihara bagi membantu usaha penyelidik mentakrifkan sejarah negeri Kedah dengan lebih cepat. JWN juga berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi menyelenggara tapak ini terutama selepas ianya digazetkan sebagai Tapak Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan (AKTA 645). Isu ini seharusnya dikenangkan di media sosial untuk menarik orang ramai melalui pihak-pihak NGO untuk mengumpul dana bagi tujuan memelihara dan memulihara kembali binaan candi purba tersebut serta bersama membantu menjaga kawasan sekitarnya.

Kesan pertembungan budaya luar terhadap budaya asal melihat pertembungan antara budaya asal dan budaya popular luar akan memihak kepada unsur-unsur bukan tradisi tempatan, malah usaha untuk mengubahsuai unsur-unsur budaya tradisi dengan perkembangan semasa tidak dapat menjadikan unsur-unsur budaya itu berkembang popular. Pengubahsuaiannya telah membawa kesan buruk kepada tradisi budaya Melayu, iaitu boleh musnah atau hilang keasliannya. Sebagai warisan yang dianggap lapuk dan belum pupus, warisan kebudayaan ini memerlukan perintis dan semangat untuk mentafsirkan semula eksistensinya dalam perdebatan budaya dan intelektual. Tarian zapin telah menjadi tarian penghias majlis perasmian sekolah-sekolah dan upacara perkahwinan. Unsur-unsur tradisi tidak dapat mempertahankan kedudukannya lagi, komuniti kampung yang pernah mempertahankan persembahan tradisi, kini tidak mampu berbuat demikian memandangkan semakin bertambah hiburan dan tarian moden yang mendapat tempat dalam kehidupan sosial masyarakat hari ini. Usaha hegemonisasi melalui globalisasi budaya telah menyebabkan sesebuah warisan budaya itu semakin terpinggir. Pertembungan antara budaya baru dan budaya asal ini telah disentuh oleh Gidden (1990) bahawa refleksiviti adalah sikap membandingkan nilai masyarakat luar dengan nilai asal yang dipegang seseorang sebelum menentukan sama ada ingin menerima atau menolak nilai luar tersebut. Hal ini bermakna, budaya luar akan melalui proses pertimbangan untuk diterima oleh sesebuah masyarakat asal. *Utusan Online* bertarikh 9 Ogos 2015 ada membincangkan misi dan langkah untuk memartabatkan seni zapin di Malaysia. Penganjuran pelbagai program yang bertujuan untuk menyemarakkan rasa cinta kepada bangsa dan negara dengan membina jati diri generasi muda melalui kesenian dan kebudayaan di samping memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum. Program seperti ‘Siri Jelajah Merdeka AEON Akar Kita Zapin 2015’ dianjurkan di setiap peringkat zon bermula di peringkat zon utara yang diadakan di Taiping, Perak telah mendapat

sokongan daripada pelbagai pihak termasuklah kerajaan negeri, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selain itu, media massa dan media sosial digunakan untuk menyeroni masyarakat mengikuti program bengkel dan motivasi modal insan secara percuma yang turut dianjurkan kepada peserta di setiap peringkat umur dan lapisan masyarakat dengan pendekatan menjurus kepada seni dan budaya. Pada waktu yang sama, turut diadakan pertandingan zapin secara spontan, Zapin Mania yang diadakan di Dataran Merdeka sempena Majlis Pra Pelancaran Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2015. Siri jelajah yang diadakan tersebut merupakan salah satu produk yang bermatlamatkan mengangkat seni budaya zapin ke arah global terutamanya jika mendapat liputan daripada media massa. Kerajaan negeri juga telah memperuntukkan RM2 juta setahun bagi program pembangunan tarian zapin untuk memperkasakan seni yang menjadi identiti negeri itu. Peruntukan tersebut meliputi program latihan secara berterusan dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor serta persatuan lain yang berkaitan bagi memastikan warisan negara itu terus terpelihara.

Kebanyakan pengkaji wayang kulit menyatakan bahawa persembahan wayang kulit adalah aktiviti kesenian yang sedang menghampiri kepupusan. Menurut Togari Yasuka dalam Kongres Sebudaya Serumpun menjelaskan bahawa wayang kulit yang pernah popular suatu ketika dulu di Kelantan telah mula menghadapi kemerosotan pada tahun 1970-an dan keadaan tersebut semakin buruk. Hal ini ditambah pula dengan pengharaman wayang kulit pada tahun 1990 oleh kerajaan negeri Kelantan. Sudah semestinya pengamal dan penggiat seni budaya perlu menjengah keterpinggiran mereka melalui kesatuan, suara, naratif dan representasi diri (Mohd Fadzil et al. 2016). Isu wayang kulit turut dikupas di dalam akhbar Berita Harian dalam talian yang bertarikh 6 Januari 2016 bahawa kesilapan dalam membuatkan wayang kulit terabit syirik. Tokoh wayang kulit sendiri tidak menafikan terdapatnya unsur khurafat dalam persembahan seni tradisional itu masih diamalkan oleh sesetengah penggiatnya. Beliau berkata pada pemerhatiannya kesilapan dalam sendiri menyebabkan imej seni tradisi itu tercaltar sehingga dikatakan mampu memesongkan akidah masyarakat Islam. Persembahan seni wayang kulit sebenarnya tidak bertentangan dengan ajaran agama dan tiada unsur khurafat sekiranya tidak ada upacara pemujaan, jampi serapah dan mantera dilakukan. Kesilapan sesetengah dalam menerima bulat-bulat ajaran guru mereka tanpa menyelidik mantera yang dibaca dan mengambil kira ianya selari dengan ajaran agama atau tidak. Penggiat wayang kulit juga mengamalkan upacara buka panggung tetapi bukan menggunakan mantera, sebaliknya dengan membaca ayat suci al-Quran. Wayang kulit sewajarnya dikomersialkan dalam media massa dan media sosial dengan membawa lebih banyak penceritaan mengenai isu semasa di samping penceritaan klasik serta menggunakan media sosial sebagai saluran untuk memuat naik video pementasan wayang kulit yang telah ditambah sari kata supaya dapat ditonton dan difahami oleh setiap lapisan masyarakat memandangkan wayang kulit secara amnya menggunakan dialek Kelantan.

Isu memartabatkan bahasa Melayu kembali bergoncang susulan tindakan seorang menteri yang didakwa mengeluarkan kenyataan rasmi dalam bahasa Mandarin telah dibincangkan dalam akhbar *BH Online* yang bertarikh 27 Jun 2018. Perbuatan itu dikatakan bercanggah dengan aspirasi rakyat Malaysia yang sepatutnya memelihara kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia. Perbuatan tersebut seolah-olah mencabar Perlembagaan Persekutuan di bawah artikel 161 dan artikel 152 yang mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, sekali gus bahasa rasmi dalam urusan kerajaan. Bahasa juga melambangkan bagaimana sesuatu bangsa itu menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi perpaduan untuk saling memahami antara satu sama lain. Kekuatan bahasa itu juga secara tidak langsung menunjukkan betapa kuatnya sesuatu bangsa itu. Isu bahasa Melayu yang semakin terpinggir ini turut dikupas di dalam akhbar *Utusan Online* bertarikh 8 Oktober 2016. Semakin banyak nama kawasan yang asalnya dalam bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu telah ditukar kepada bahasa Inggeris. Terdapat juga tempat yang baru dibuka dan terus dinamakan dalam bahasa Inggeris dan alasan oleh pemaju adalah lebih bersifat komersial. Sebagai contoh, nama Kerinchi yang merupakan sebuah penempatan yang telah dibuka oleh orang Kerinchi dari Sumatera, Indonesia sekitar kurun ke-19 telah diberi nama baru iaitu Bangsar South City. Selain kawasan sekitar Kuala Lumpur, terdapat juga tempat-tempat lain yang telah dinamakan dalam bahasa asing seperti Ainsdale, Bangi Gateway dan sebagainya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Malaysia mempunyai sejarah warisan yang menarik serta mempunyai pelbagai budaya di dalamnya. Warisan negara dapat dilihat pada seni budayanya yang mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum seperti pakaian, makanan, adat resam, seni dan sebagainya. Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan-warisan negara ini dapat mempertingkatkan imej dan identiti Malaysia di persada dunia. Kajian ini menunjukkan bahawa media massa dan media sosial memainkan peranan penting sebagai medium perantaraan dalam menyampaikan maklumat serta memberikan kesedaran kepada masyarakat. Media massa dan media sosial dianggap mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar terhadap individu dan institusi masyarakat. Para pengkaji percaya bahawa mesej komunikasi yang disampaikan oleh media massa dan media sosial bukan sekadar memberikan maklumat kepada orang ramai malah dapat mengubah pendapat dan pengaruh mereka. Walau bagaimanapun, sesuatu individu haruslah memastikan setiap isu yang ingin diketengahkan adalah daripada sumber yang sah. Ini kerana, setiap isu yang dipaparkan di media massa dan media sosial membawa pengaruh yang besar dan mudah tersebar dengan cepat kepada seluruh masyarakat dan boleh membawa kepada pelbagai impak yang berupa cadangan, bantuan, idea maupun kritikan negatif.

Kesedaran terhadap kepentingan untuk memulihara bangunan warisan pula adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat dan bukannya dibebankan ke atas pihak kerajaan semata-mata. Hal ini kerana, bangunan warisan yang bersejarah ini mempunyai nilai yang tersendiri dengan reka bentuknya yang unik dan menjadi daya tarikan di sesebuah tempat peletakannya pada Malaysia. Pihak berwajib juga perlulah memainkan peranan lebih besar dan konstruktif dalam mengangkat perkara ini ke peringkat antarabangsa agar sejarah negara bukan sahaja dapat dihayati oleh rakyat Malaysia tetapi juga diiktiraf di serata dunia seterusnya memperkembang industri arkeo-pelancongan negara. Sejarah negara amat penting untuk generasi akan datang memandangkan terdapat beberapa faedah bagi mereka jika mereka memahami dan mengetahui sejarah negara. Antara faedah tersebut adalah seperti generasi akan datang dapat mengenali asal usul negara, memahami pengajaran tentang sejarah negara dan lebih mengetahui kepentingan-kepentingan sejarah seterusnya memupuk semangat patriotik dalam diri mereka. Oleh itu, bersama-sama kita berusaha untuk mengekalkan warisan sejarah negara. Usaha ini bukan sahaja mendatangkan faedah kepada kita malah kepada generasi akan datang. Sekiranya kita sama-sama berusaha, pastinya kejayaan akan dapat dicapai dan matlamat negara untuk mengekalkan sejarah negara kepada generasi akan datang akan turut dicapai.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan dana DPP-2018-099. Sehubungan dengan itu, kami ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan bantuan dana yang telah diberikan. Penghargaan juga diberikan kepada Makmal Arkeologi dan Arkeometri, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

RUJUKAN

- Abd. Aziz Itar. 2018. Seni berkarat jika tidak digilap. *Utusan Online*, 26 Ogos. www.utusan.com.my/pendidikan/sastera [diakses pada 15 Mei 2019].
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad. 2018. Tidak mungkin wujud bangsa Malaysia tanpa Bahasa Melayu. *BH Plus*, 27 Jun. www.bharian.com.my/kolumnis [diakses pada 27 Jun 2019].
- Aimuni Tuan Lah. 2016. Gua Cha semakin terbiar. *Utusan Online*, 13 Oktober. www.utusan.com.my/berita/wilayah/kelantan [diakses pada 20 Februari 2019].
- Anon. 2014. Tradisi yang semakin pupus. *Utusan Online*, 8 November. www.utusan.com.my/rencana/utama [diakses pada 15 Mei 2019].
- Anon. 2015. Kekalkan permainan tradisional sebagai identiti. *Utusan Online*, 13 Disember. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional> [diakses pada 27 Jun 2019].

- Anon. 2015. Seni dan budaya misi memartabatkan zapin. *Utusan Online*, 9 Ogos. www.utusan.com.my/pendidikan/sastera [diakses pada 26 Jun 2019].
- Anon. 2016. Bahasa Melayu semakin terpinggir. *Utusan Online*, 8 Oktober. www.utusan.com.my/rencana/utama [diakses pada 27 Jun 2019].
- Anon. 2016. Kesilapan dalang membuatkan wayang kulit terbabit syirik. *BH Online*, 6 Januari. www.bharian.com.my [diakses pada 26 Jun 2019].
- Anon. 2016. Status UNESCO Georgetown terancam. *Utusan Online*, 9 Julai. www.utusan.com.my/berita/nasional [diakses pada 15 Mei 2019].
- Anon. 2016. Sungai Batu mampu ubah sejarah Asia Tenggara. *Utusan Online*, 20 Mei. www.utusan.com.my/berita/nasional [diakses pada 20 Februari 2019].
- Anon. 2018. Cabaran mencari pelapis Mek Mulung. *Utusan Online*, 20 September. www.utusan.com.my/berita/wilayah/kedah [diakses pada 15 Mei 2019].
- Anon. 2018. Miliki semula manuskrip Melayu berharga di Belanda. *BH Online*, 26 Februari. www.bharian.com.my/rencana/sastera [diakses pada 15 Mei 2019]
- Anon. 2018. Pembinaan semula rumah ‘degil’ di perkarian Balai Seni. *Berita Harian*, 26 September. www.bharian.com.my/berita/nasional [diakses pada 20 Jun 2019].
- Anon. 2018. Sedih anak muda pilih belajar ‘silat import’. *Harian Metro*, 25 Jun. www.hmetro.com.my/mutakhir [diakses pada 20 Jun 2019].
- Anon. 2019. Harga tiket masuk muzium perlu dikaji semula. *BH Online*, 15 Julai. www.bharian.com.my/berita/nasional [diakses pada 16 Julai 2019].
- Burden, E. 2004. *Illustrated Dictionary of Architectural Preservation*. New York: McGrawHill.
- Cragan, J. F. & Shields, D. C. 1998. *Understanding communication theory: The communicative forces for human action*. MA: Allyn & Bacon.
- Fadzli Ramli. 2018. Kesan komersialisasi terhadap warisan Melaka. *Kosmo Online*, 6 Oktober. www.kosmo.com.my/special/test [diakses pada 15 Mei 2019].
- Fan, W.F. & Gordon. 2014. The Power of Social Media Analytics. *Journal Communications of the Acm* 57(6): 74-81.
- Fauzi Suhaimi. 2015. Menghidupkan permainan tradisi. *Utusan Online*, 21 Jun. <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/selangor> [diakses pada 15 Mei 2019].
- Giddens, A. 1990. *The Consequences of Modernity*. Cambridge: Polity.
- Halina Mohd Noor & Nor Hatina Shuib. 2019. Risiko hilang identiti batik Malaysia. *Berita Harian*, 13 Mac. www.bharian.com.my/berita/nasional [diakses pada 20 Jun 2019].
- Halina Mohd Noor, Nor Hatina Shuib & Hanneeyzah Bariah Baharin. 2019. Batik Malaysia terancam. *Berita Harian*, 12 Mac. www.bharian.com.my/berita/nasional [diakses pada 20 Jun 2019].
- Hudson, S, Huang, L, Roth, M.S & Madden, T.J. 2015. The influence of social media interactions on consumer-brand relationships: A three-country study of brand perceptions and marketing behaviors. *International Journal of Research in Marketing* 14: 1-13.
- Ifwan Tun Tuah. 2016. Tapak arkeologi terabai kerana JWN tiada bajet. *BH Plus*, 19 Ogos. www.bharian.com.my [diakses pada 20 Februari 2019].
- Izzat Nasurudin. 2019. Makanan warisan negara perlu dipertahankan. *Utusan Online*, 30 Mac. www.utusan.com.my/berita/nasional [diakses pada 15 Mei 2019].
- Leonard, A.PS. 2016. Penggunaan Media Sosial Sebagai Eksistensi Diri (Studi Deskriptif Kualitatif Penggunaan Media Sosial Untuk Eksistensi Diri Pada Mahasiswa Fisip UNS Tahun Ajaran 2015/2016). Tesis sarjana Universitas Sebelas Maret. Surakarata.
- Lerner, D. 1966. *The Passing of Traditional Society: Modernizing the Middle East*. New York: The Free Press.
- Mansor A. S., 1983. *Satu Kumpulan Esei: Media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fadzil Razali, Badrul Redzuan Abu Hassan & Roslina Abdul Latif. 2016. Pemuliharaan warisan terpinggir: menanggap peranan medium sinema. *Jurnal Komunikasi* Jilid 32(1): 208-223.
- Nursyamimi Saidi. 2018. Kuih Melayu semakin pupus. *Utusan Online*, 21 September. <http://www.utusan.com.my/mega> [diakses pada 15 Mei 2019].
- Nurul Shafina Jemenon. 2019. Aerodrom Tekah Taiping diwartakan tapak warisan negeri Perak. *Berita Harian Online*, 19 Jun. www.bharian.com.my/berita/wilayah [diakses pada 20 Jun 2019].

- Paul James. 2006. *Globalism, Nationalism, Tribalism: Bringing Theory Back In.* London: SAGE Publications Ltd.
- Saharudin Musthafa. 2018. Boria belum ‘mati’. *Utusan Online*. 2 Januari. www.utusan.com.my/hiburan [diakses pada 27 Jun 2019].
- Schramm, W. 1964. *Mass Media and National Development: The Role of Information in the Developing Countries*. California: Stanford University Press.
- Shanika Abdul Latib. 2018. Binaan Purba Permatang Pasir perlu segera dipulihara. *Bernama*, 25 Julai. www.bernama.com/state-news/beritabm [diakses pada 19 November 2018].
- Siti Haliza Yusop. 2017. Bina semula candi abad ke-10 Kota Kuala Muda. *Berita Harian*, 29 Jun.
- Siti Haliza Yusop. 2017. Bincang nasib rumah pusaka Chow Kit. *BH Online*, 15 Mac. www.bharian.com.my [diakses pada 20 Jun 2019].
- Syalikha Sazili. 2018. Rangka manusia prasejarah ditemui di Gua Chawan. *BH Online*, 17 Disember. www.bharian.com.my [diakses pada 20 Jun 2019]
- Syed Zainol Abidin Idid. 1995. *Pemelibaran Warisan Rupa Bandar: Panduan Mengenali Warisan Rupa Bandar Berasaskan Inventori Bangunan Warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Badan Warisan Malaysia.
- Sylvia Looi. 2019. Taiping civil societies up in arms amid rumoured sale of 90- year old aerodrome’s land. *Malay Mail*, 14 Jun. www.malaymail.com/news/malaysia [diakses pada 20 Jun 2019].
- Zaain Zin. 2019. Makyong sedang dinilai mufti, ulama. *Utusan Online*, 20 Mac. www.utusan.com.my/berita/wilayah/kelantan [diakses pada 15 Mei 2019].

Natasha Edreena Mohamad Nasruddin
 Makmal Arkeologi dan Arkeometri
 Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Emel: p97682@siswa.ukm.edu.my

Zuliskandar Ramli (Ph. D)
 Timbalan Pengarah / Felo Penyelidik Kanan
 Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Emel: ziskandar2109@gmail.com

Received : 12 February 2020
 Accepted : 26 April 2020
 Published : 30 June 2020